

Tun M, Nor

Yakcop

**mohon
batal saman
Halim Saad**

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohammad dan dua lagi individu memfailkan permohonan untuk membatalkan saman bekas Pengerusi Eksekutif Renong Bhd., Tan Sri Halim Saad berhubung pengambilalihan saham United Engineers Malaysia Bhd (UEM) yang didakwa berlaku secara paksa, 23 tahun lalu.

Permohonan tersebut difailkan pada 16 November lalu di Mahkamah Tinggi di sini oleh Peguam Kanan Persekutuan bagi pihak Dr. Mahathir, bekas Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Kerajaan Malaysia yang dinamakan sebagai defendan pertama hingga ketiga.

Menurut affidavit soko-ongan yang diikrarkan oleh Nor Mohamed, saman yang dikemukakan oleh Halim adalah sesuatu yang menyusahkan, remeh dan merupakan salah guna proses Mahkamah.

Ujarnya, tindakan saman itu adalah terhalang (estopped) kerana saman serupa diputuskan oleh Mahkamah pada 2013.

"Asas kepada tuntutan plaintif (Halim) dalam writ dan pernyataan tuntutan plaintif adalah sama dengan asas tuntutan plaintif yang terdahulu iaitu mencabar jumlah pampasan yang dibayar kepada bagi pengambilalihan saham plaintif. Isu-isu yang dibangkitkan diputuskan oleh Mahkamah.

"Oleh yang demikian, plaintif adalah dihalang (estopped) daripada membangkitkan isu ini di hadapan Mahkamah ini pula melalui writ dan pernyataan tuntutan ini dan tuntutan plaintif adalah terhalang oleh res judicata (satu perkara yang diadili apabila tidak dapat dibangkitkan lagi)," kata Nor Mohamed dalam affidavit tersebut.

2 Ogos lalu, Halim menyaman Dr. Mahathir, Nor Mohamed dan Kerajaan.